

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 MAC 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

## Ekonomi negara dijangka berkembang bawah 4-5 peratus

# Ekonomi negara dijangka berkembang bawah 4-5 peratus



### Perbelanjaan pengguna mungkin terkesan susulan kenaikan kadar cukai perkhidmatan

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berada pada aras rendah dalam julat unjuran rasmi 4.0 peratus hingga 5.0 peratus berikutan perbelanjaan pengguna yang rendah, kata Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM).

Presidennya, Tan Sri Soh Thian Lai, berkata perbelanjaan pengguna, yang menyumbang 60

peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) tahun lalu, berkemungkinan akan terkesan tahun ini berikutan kenaikan kadar cukai perkhidmatan.

Beliau berkata, program rasionalisasi subsidi kerajaan dijangka akan memberi tekanan kepada inflasi dan kos sara hidup.

"Penggunaan swasta dijangka perlahan, manakala inflasi meningkat semula. Mengenai prospek ekonomi Malaysia, selepas mengambil semua ini bersama-sama, nada kami lebih berhati-hati.

"Memandangkan kurang yakin pada perbelanjaan penggunaan swasta, kami menjangkakan pertumbuhan ekonomi 2024 akan pada bahagian bawah spektrum unjuran rasmi sebanyak 4 hingga 5 peratus," katanya dalam satu kenyataan.

Pada 2023, ekonomi Malaysia

mencatatkan pertumbuhan 3.7 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan yang kukuh 8.7 peratus pada 2022.

**Eksport terajui pemulihan**  
Dalam pada itu, Thian Lai berkata, pihaknya menjangkakan ekonomi Malaysia bersedia untuk pemulihan yang diterajui eksport tahun ini.

Beliau berkata, bacaan Indeks Pengurusan Pembelian (PMI) Malaysia memberi isyarat bahawa aktiviti pembuatan sudah melepasi dan berada dalam landasan untuk pemulihan beransur-ansur.

Katanya, sementara peningkatan dalam import pengantara membayangkan pemulihan eksport, peningkatan pelancongan

dan momentum pelaburan akan memberi sokongan tambahan.

Dalam Tinjauan Ekonomi Malaysia 2024 disediakan FMM Research, separuh kedua tahun ini dijangka lebih baik apabila keadaan monetari global semakin reda.

Ia berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) 3.00 peratus tahun ini.

Katanya, beberapa negara ASEAN lain turut mengutamakan kestabilan mata wang dengan Bank Indonesia baru-baru ini mengekalkan kadar dasar penanda arasnya untuk menyokong rupiah.

Mengenai inflasi, FMM berkata, BNM jangka purata inflasi 2.0 peratus hingga 3.5 peratus pada 2024, namun mengakui bahawa prospek berkenaan kekal sangat tertakluk kepada risiko meningkat.

**Penggunaan swasta dijangka perlahan, manakala inflasi meningkat semula. Mengenai prospek ekonomi Malaysia, selepas mengambil semua ini bersama-sama, nada kami lebih berhati-hati**

Soh Thian Lai,  
Presiden FMM

